

**Untuk Siaran Segera
16 April 2026**

ASNB Terima Pengiktirafan Anugerah Kumpulan dan Individu *Lipper Fund Awards* 2026

Kuala Lumpur, 16 April 2026: Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumumkan bahawa anak syarikat milik penuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), telah menerima pengiktirafan industri di *LSEG Lipper Fund Awards 2026* (Anugerah Dana Lipper LSEG), sekali gus menandakan kemenangan sulung ASNB bagi Anugerah Kumpulan serta penerimaan dua Anugerah Lipper secara individu.

Pada majlis penganugerahan tersebut, ASNB telah meraih Anugerah Kumpulan *Mixed Assets (Provident)*, selain memenangi Anugerah Dana *Mixed Asset MYR Balanced - Malaysia (Provident)* bagi tempoh tiga tahun dan lima tahun menerusi dana ASN Imbang (Aset Campuran Seimbang) 1.

Anugerah tersebut diterima oleh Hanizan Hood, Ketua Pegawai Pelaburan Kumpulan PNB bagi pihak ASNB, sekali gus mencerminkan konsistensi prestasi dana-dana tersebut serta keupayaan ASNB untuk memberikan pulangan terlaras risiko yang kompetitif dalam segmen dana simpanan sepanjang tempoh penilaian.

“Pengiktirafan ini menekankan kepentingan disiplin dalam proses pelaburan serta konsistensi jangka panjang dalam memberikan nilai kepada pemegang unit kami. Prestasi kukuh dana-dana ASNB mencerminkan usaha berterusan di seluruh Kumpulan PNB bagi memperkukuh keupayaan pelaburan, di samping menunaikan Mandat kami untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara,” kata Hanizan.

Anugerah Dana Lipper LSEG ditentukan melalui metodologi kuantitatif bebas yang menilai dana dan pengurus dana merentasi tempoh tiga, lima dan sepuluh tahun, dengan penekanan kepada prestasi mampan berbanding dana setara. Sebanyak tujuh

Anugerah Kumpulan dan 93 Anugerah Individu telah disampaikan pada majlis penganugerahan 2026.

PNB dan ASNB kekal komited untuk mengharungi landskap pelaburan yang sentiasa berkembang dengan mengekalkan perspektif jangka panjang, dipandu oleh tadbir urus yang kukuh, pengurusan risiko yang berhemah serta tanggungjawab bersama untuk melindungi dan mengembangkan simpanan rakyat Malaysia secara mampan.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,400 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kira-kira 300 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad